

Bil. S 40

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2004

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan peraturan 48.
 3. Penggantian peraturan 62.
 4. Pemasukan peraturan 86A baru.
-

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2004, dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2004.

Pindaan peraturan 48.

2. Peraturan 48 dari Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan peraturan kecil baru yang berikut sejurus selepas peraturan kecil (3) —

"(3A) Tiada sesiapa pun boleh didaftarkan sebagai pemilik baru sesebuah kenderaan atau treler jika pegawai melesen itu berpuashati bahawa pemilik berdaftar kenderaan bermotor atau treler tersebut telah, pada masa permohonan untuk mendaftarkannya, berhutang dengan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun berkaitan dengan kenderaan bermotor atau treler tersebut bagi pembayaran mana-mana wang (dengan nama apa pun juga disebut) yang kena dibayar di bawah sebarang peruntukan Akta itu atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak puas hati boleh memohon supaya keputusan pegawai melesen itu untuk tidak mendaftarkan pemilik baru, disahkan oleh Pengarah yang boleh mengesahkan atau membatalkannya atau menggantikannya dengan sebarang keputusan yang boleh dibuat secara sah oleh pegawai melesen itu."

Penggantian peraturan 62.

3. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memansuhkan peraturan 62 dan menggantikannya dengan peraturan baru yang berikut —

"Syarat-syarat hendaklah dipenuhi sebelum lesen dikeluarkan.

62. Seseorang pegawai melesen tidaklah boleh mengeluarkan suatu lesen kenderaan bermotor atau treler sehingga kenderaan bermotor atau treler tersebut telah sempurna didaftarkan, dan tidaklah boleh memperbaharui mana-mana lesen tersebut melainkan jika dia berpuashati bahawa —

(a) kenderaan bermotor atau treler tersebut tidak berbeza dalam sebarang hal dari butir-butir dalam daftar; dan

(b) pemohon bagi lesen tersebut tidak, pada masa permohonan untuk memperbaharui, berhutang dengan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun berkaitan dengan kenderaan bermotor atau treler tersebut bagi pembayaran mana-mana wang (dengan nama apa pun juga disebut) yang kena dibayar di bawah sebarang peruntukan Akta itu atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak puas hati boleh memohon supaya keputusan pegawai melesen itu untuk tidak mengeluarkan suatu lesen kenderaan bermotor atau treler jika perenggan (b) dikenakan, disahkan oleh Pengarah yang boleh mengesahkan atau membatalkannya atau menggantikannya dengan sebarang keputusan yang boleh dibuat secara sah oleh pegawai melesen itu."

Pemasukan peraturan 86A baru.

4. Peraturan-Peraturan utama tersebut adalah dipinda dengan memasukkan peraturan baru yang berikut sejurus selepas peraturan 86 —

"Sekatan ke atas pembaharuan.

86A. Seseorang pegawai melesen tidaklah boleh memperbaharui suatu lesen selepas tamat tempohnya jika dia berpuashati bahawa pemohon bagi pembaharuan lesen itu telah, pada masa tamat tempoh lesennya yang terdahulu, berhutang dengan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun bagi pembayaran mana-mana wang (dengan nama apa pun juga disebut) yang kena dibayar di bawah sebarang peruntukan Akta itu atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak puas hati boleh memohon supaya keputusan pegawai melesen itu untuk tidak memperbaharui lesen memandu itu, disahkan oleh Pengarah yang boleh mengesahkan atau membatalkan atau menggantikannya dengan sebarang keputusan yang boleh dibuat secara sah oleh pegawai melesen itu."

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 5 haribulan Jun, 2004.

**PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN**
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.